

## Satu Sejarah Sosioekonomi Daerah Maradong Sebelum Tahun 1984

Mahadzir Mahdini<sup>1</sup>

**Manuskrip diterima:** 22 Mei 2018

**Diterima untuk penerbitan:** 4 Julai 2018

<sup>1</sup> Calon Sarjana di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: mhdzrbmhndn5@gmail.com

### Abstract

*The Maradong District has existed around 1930's under the name Binatang Sub-District. Since then, the region has undergone rapid socio-economic development until it was upgraded into a full district in 1984. Hence, its original name, Binatang District was changed to Maradong District. Initially, the administration under the Brooke Dynasty had introduced commercial agricultural, such as black pepper, rubber and sugarcane. Also the timber and sago industries are important product of Maradong District. Bintangor Port also makes Maradong District a center of export and import trade. This article will explain the historical development of Maradong District until 1984 in order to contribute to the history of Sarawak in general.*

**Keywords:** Maradong District, Binatang District, Socio-economic

---

### Abstrak

Daerah Maradong sudah wujud sekitar tahun 1930-an dengan nama Daerah Kecil Binatang. Sejak itu, daerah ini mengalami pembangunan sosioekonomi yang pesat hingga dapat dinaikkan taraf menjadi daerah penuh pada tahun 1984. Justeru nama asalnya, Daerah Binatang telah ditukarkan kepada Daerah Maradong. Pada peringkat awal, pentadbiran Dinasti Brooke mengasaskan kegiatan pertanian komersil, seperti lada hitam, getah dan tebu. Juga aktiviti perusahaan kayu dan sago menjadi hasil pengeluaran yang penting di Daerah Maradong. Pelabuhan Bintangor juga menjadikan Daerah Maradong sebagai pusat perdagangan eksport dan import. Makalah ini akan meninjau sejarah kewujudan dan

perkembangan Daerah Maradong sehingga tahun 1984. Usaha dapat menyumbang kepada lembaran sejarah negeri Sarawak amnya.

**Kata kunci:** Dearah Maradong, Daerah Binatang, Sosioekonomi

---

## **Pengenalan**

Daerah Maradong merupakan sebuah daerah yang terletak dalam Bahagian Sarikei. Daerah Maradong ini mempunyai keluasan sebesar 719.0 km persegi. Keluasan ini adalah sebesar 0.6 peratus negeri Sarawak.<sup>1</sup> Daerah Maradong ini terletak di kawasan yang strategik kerana terletak di tebingan Sungai Rajang yang menghubungkan masyarakat dengan kawasan bandar. Kemajuan bandar Bintangor iaitu bandar utama bagi Daerah Maradong ini telah menyebabkan tertubuhnya Lembaga Perbandaran Binatang (*Municipal Board*) pada tahun 1934.<sup>2</sup> Perkembangan Daerah Maradong ini semestinya didukung oleh pengenalan tanaman komersial oleh Dinasti Brooke di Daerah Maradong ketika itu. Kedatangan imigran Cina juga mendorong kepada kemajuan Daerah Maradong ini. Penulisan ini akan membincangkan sejarah awal tertubuhnya pentadbiran Daerah Maradong serta kegiatan ekonomi yang membawa kepada kemajuan daerah ini. Selain itu, perubahan sosial juga akan dihuraikan kesan daripada kemajuan ekonomi hasil pentadbiran Barat yang diperkenalkan oleh Dinasti Brooke.

## **Latar Belakang Pembentukan Pentadbiran Daerah Maradong**

Bandar Bintangor dikenali sebagai Bandar Binatang pada awal pembentukannya. Pada tahun 1984, nama bagi bandar ini telah ditukarkan kepada Bintangor sempena nama pokok Bintangor yang tumbuh di kawasan tersebut.<sup>3</sup> Pertukaran ini berlaku kerana sensitiviti

---

<sup>1</sup> Jabatan Tanah Dan Ukur Sarawak, *Buku Perangkaan Sarawak 2003*, Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003, hlm. 2.

<sup>2</sup> Maradong and Julau District Council, [http://www.maradong-julaudc.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?lang=en&mod=webpage&sub=page&id=54&menu\\_id=0&sub\\_id=71](http://www.maradong-julaudc.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?lang=en&mod=webpage&sub=page&id=54&menu_id=0&sub_id=71), 21 April 2016.

<sup>3</sup> Pejabat Daerah Maradong, *Laporan Suku Tahun 2003*, Bintangor: Pejabat Daerah Maradong, 2003, hlm. 1.

berkenaan dengan nama bandar tersebut sebelum ini. Pertukaran ini telah diilhamkan oleh Tun Abdul Taib Mahmud.

Bandar Bintangor ini telah cuba diwujudkan oleh Dinasti Brooke semasa Residen yang pertama, iaitu Brooke Low mentadbir kawasan Rejang pada tahun 1879.<sup>4</sup> Brooke Low telah mengarahkan masyarakat Melayu yang menetap di kawasan Muara Bunut untuk berpindah ke Bintangor ketika itu. Tujuannya adalah untuk mewujudkan satu komuniti baru di Bintangor. Walaupun begitu, masyarakat Melayu telah mengingkari arahan Brooke Low. Maka, Brooke Low telah bertindak untuk pergi ke Mupong untuk bertemu dengan masyarakat Melayu bagi menyelesaikan masalah tersebut. Hasilnya, beliau telah mengambil keputusan untuk memberi hukuman kepada masyarakat Melayu kerana telah ingkar arahan yang telah diberikan sebelum ini.

Keberadaan masyarakat Melayu di Bintangor adalah sangat penting bagi menjamin keselamatan laluan perdagangan import dan eksport di Sungai Rejang ketika itu. Kegiatan lanun sering terjadi di laluan Sungai Rejang dan kegiatan ini didalangi oleh masyarakat Dayak.<sup>5</sup> Lanun Dayak ini sememangnya mempunyai pendirian tersendiri apabila tidak tunduk dengan mana-mana pemerintah yang memerintah ketika itu. Mereka lebih selesa untuk hidup dengan hasil lanun dan aktiviti ekonomi yang lain. Oleh itu, adalah penting bagi memastikan masyarakat Melayu untuk berada di Bintangor bagi menjamin keselamatan di kawasan Bintangor.

Keadaan Bintangor ketika itu masih lagi dikelilingi dengan hutan. Pembukaan kawasan ini telah membawa kepada perusahaan kayu balak yang dilakukan oleh masyarakat Cina yang diberi permit oleh Brooke Low.<sup>6</sup> Permulaan aktiviti ekonomi ini telah membawa kepada kedatangan masyarakat di sekitar Bintangor untuk datang menetap di Bintangor. Keadaan ini seterusnya membentuk komuniti yang lebih

<sup>4</sup> Rejang Report 13<sup>th</sup> February 1882, *Sarawak Gazette*, 1<sup>st</sup> Mac 1882, hlm. 13.

<sup>5</sup> Steven Runciman, *The White Rajahs: A History of Sarawak From 1841 to 1946*, Great Britain: Cambridge Press, 1960, hlm. 85.

<sup>6</sup> Rejang Report 13<sup>th</sup> February 1882, *op. cit*, hlm. 13.

besar dari masa ke masa. Maka, bazar telah terbina bagi membekalkan barang keperluan masyarakat yang telah menetap di Bintangor.<sup>7</sup>

### **Pelabuhan**

Maklum bahawa bandar Bintangor terletak di tebingan Sungai Rejang. Kawasan air sungai yang dalam menjadikan pelabuhan Bintangor menjadi tarikan kepada kedatangan kapal bagi tujuan import dan eksport. Kedatangan kapal dagang ini menjadikan pelabuhan Bintangor menjadi tumpuan masyarakat tempatan dari sekitar Bintangor dan luar daerah Maradong untuk datang ke Bintangor bagi tujuan perdagangan. Masyarakat tempatan akan datang dan membawa barang dagang seperti lada hitam, tebu, getah, balak dan sago untuk dijual kepada pemborong dan seterusnya dieksport ke luar negara. Kedudukan strategik ini memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pertanian di Daerah Maradong serta daerah yang berhampiran dengannya. Selain itu, barang import juga dapat dibekalkan daripada pelabuhan ini hasil daripada datangnya kapal dagang.

Kapal merupakan pengangkutan yang paling relevan bagi tujuan mengangkut barang dagang. Selain itu, perkhidmatan bagi pengangkutan juga adalah relevan bagi penggunaan kapal ini. Kerelevanannya adalah kerana zaman Dinasti Brooke dan Koloni British tidak semua tempat dapat dicapai melalui pengangkutan lain seperti kereta dan kapal terbang. Selain itu, teknologi serta modal bagi persediaan kapal untuk berlabuh dan memunggah barang dagang mampu untuk disediakan dengan berkesan di pelabuhan. Kemudahan-kemudahan di pelabuhan ini semestinya bercukai dan perlu dibayar oleh kapal yang singgah. Cukai-cukai terhadap kapal ini boleh dikelaskan kepada tiga semasa pentadbiran Koloni British. Antaranya adalah cukai lesen perniagaan kapal dalam koloni sebanyak \$400, cukai lesen kapal penumpang serta kargo sebanyak \$50 dan cukai lesen ejen perkапalan sebanyak \$200.<sup>8</sup>

Pengenalan cukai terhadap kapal yang singgah berlabuh di Bintangor telah meningkatkan sumber pendapatan Daerah Maradong. Selain itu, keaktifan pelabuhan Bintangor dalam menguruskan import

---

<sup>7</sup> Pejabat Daerah Maradong, *Gambar Bazaar Binatang 1920*, Bintangor: Pejabat Daerah Maradong.

<sup>8</sup> *Sarawak Annual Report 1951*, Kuching: Sarawak Government Printing Office, 1951, hlm. 20-21.

dan eksport sepanjang tahun 1950-an juga meningkatkan sumber pendapatan Daerah Maradong.<sup>9</sup> Kesannya, pelabuhan baru telah dibina di Bintangor berdasarkan rancangan pembangunan yang telah dirangka pada tahun 1956.

Pelabuhan Bintangor aktif dalam kegiatan import dan eksport sehingga selepas merdeka daripada Koloni British. Aktiviti import dan eksport ini menjadikan bandar Bintangor sebagai bandar yang aktif dalam perdagangan. Situasi ini telah menarik minat masyarakat luar kawasan Daerah Maradong untuk datang dan menetap di daerah tersebut. Kadar kependudukan telah membuktikan bahawa peranan Bintangor sebagai pelabuhan telah menjadikan Daerah Maradong sebagai kawasan kediaman. Pada tahun 1970-an jumlah penduduk adalah 25,428 orang<sup>10</sup> dan meningkat pada tahun 1984 iaitu seramai 28,832 orang.<sup>11</sup>

### **Lada Hitam**

Tanaman lada hitam merupakan tanaman yang mendapat permintaan yang banyak daripada Barat. Fungsi lada hitam bagi tujuan masakan dan mengawet daging ketika musim sejuk sangat diperlukan oleh masyarakat yang mempunyai empat musim setahun. Oleh itu, permintaan ini telah menjadikan tanaman lada hitam ini telah diusahakan dan mendapat sokongan daripada Dinasti Brooke. Tanaman Lada Hitam diterajui oleh kaum Dayak dan mereka mengusahakan tanaman ini di kawasan berbukit kerana kesesuaian tanah untuk tanaman tersebut. Hasil tanaman Lada Hitam telah membawa kepada sumber pendapatan Daerah Maradong melalui cukai eksport tanaman tersebut pada sekitar 1930-an.<sup>12</sup> Tanaman lada hitam ini kekal sebagai tanaman komersial di Daerah Maradong selepas merdeka. Bukti ini, Lembaga Lada Malaysia cawangan Bintangor telah mula beroperasi pada

<sup>9</sup> Sarawak Annual Report 1953, Kuching: Sarawak Government Printing Office, 1953, hlm. 33.

<sup>10</sup> Siaran Perangkaan Tahunan 1976 Sarawak, Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1977. hlm. 6.

<sup>11</sup> Siaran Perangkaan Tahunan 1985, Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1985. hlm. 11.

<sup>12</sup> Sarawak Government Gazette, Department of Trade and Customs and Shipping Office: Annual Statistics and Account for the Year 1933, Kuching: Brooke Government, 1934, hlm 17.

bulan Disember 1976.<sup>13</sup> Pengoperasian ini sudah semestinya untuk memastikan penanaman lada hitam di Daerah Maradong dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil tanaman tersebut.

### **Getah**

Revolusi Perindustrian di Eropah telah menjadi faktor utama bagi peningkatan permintaan terhadap getah. Selain itu, fungsi getah sebagai bahan bagi menghasilkan barang untuk kegunaan kehidupan sehari-hari telah menjadikan tanaman tersebut mendapat permintaan yang tinggi. Justeru, tanaman getah telah diusahakan bagi menampung permintaan Barat dan permohonan bagi memohon tanah bagi tujuan tanaman tersebut oleh masyarakat Iban dan Cina Foochow semakin meningkat di kawasan Sungai Binatang.<sup>14</sup> Impaknya, Pelabuhan Bintangor telah mengeksport getah dan memperoleh keuntungan daripada urus niaga tersebut.<sup>15</sup> Perusahaan tanaman getah di Daerah Maradong tidak mampu untuk bertahan lama kerana kejatuhan harga getah selepas perang dunia pertama. Sehingga tahun 1984, tanaman getah diusahakan secara kebun kecil dan hanya melibatkan keluarga sendiri.

### **Tebu**

Tebu juga merupakan tanaman yang diusahakan oleh masyarakat tempatan di Daerah Maradong. Tanaman tebu ini merupakan satu tanaman yang mempunyai potensi komersial dan tidak hairanlah sekiranya tanaman ini juga diusahakan oleh masyarakat Daerah Maradong. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya hasil eksport yang telah direkodkan oleh Jabatan Kastam dan Perkapalan pada era Dinasti Brooke.<sup>16</sup> Kepelbagaiannya yang mampu dijadikan hasil eksport telah diusahakan dan ini menjadikan pekan Bintangor sibuk dengan adanya aktiviti ekonomi. Peranan pekan Bintangor sebagai pusat ekonomi kepada Daerah Maradong bagi mengumpul barang dagangan eksport telah menyumbang kepada faktor penarik untuk masyarakat di

---

<sup>13</sup> Lembaga Lada Malaysia, <http://www.mpb.gov.my/mpb/index.php/my/cawangan/wilayah-sarawak/bintangor.html>, 21 April 2016.

<sup>14</sup> Sarawak Government Gazette, *Land*, Kuching: Government Printing Office, 1926, hlm. 360.

<sup>15</sup> Sarawak Government Gazette, *Department of Trade and Customs and Shipping Office*, hlm. 17.

<sup>16</sup> *Ibid*, hlm. 17.

Daerah Maradong untuk datang ke pekan Bintangor bagi tujuan aktiviti tersebut.

### **Balak**

Kegiatan pembalakan sudah bermula sejak pembukaan bandar Bintangor lagi. Kayu balak Belian ini dieksport ke Macau daripada Bintangor dengan menggunakan dua kapal tongkang. Nilai bagi kayu Belian adalah \$5,350. Selain itu, kayu rotan juga telah dieksport menggunakan kapal tongkang yang sama dengan nilainya sebanyak \$733.<sup>17</sup> Penebangan pokok bagi tujuan pembangunan bandar telah menjadikan aktiviti pembalakan telah dijalankan di Bintangor. Antara jenis balak yang lain diperoleh adalah kayu Gaharu dan Lakka.<sup>18</sup> Kilang papan bagi memproses balak menjadi papan juga telah dibina.<sup>19</sup> Aktiviti pembalakan pokok Belian semakin berkurang kerana sumber yang terhad di sekitar daerah Maradong. Kayu balak ini akan dieksport melalui pelabuhan Bintangor. Papan yang telah diproses oleh kilang juga telah dieksport ke China.<sup>20</sup> Selain itu, papan juga dijual kepada masyarakat Bintangor untuk memenuhi permintaan mereka.

### **Sago**

Perusahaan sago merupakan aktiviti ekonomi tradisional dan diusahakan oleh masyarakat Melayu dan Melanau. Perusahaan ini dilakukan bagi memenuhi permintaan masyarakat tempatan di Daerah Maradong. Antara produk yang dihasilkan daripada Sago adalah tepung sago. Permintaan bagi tepung sago ini semakin meningkat dan hasilnya produk ini mula dieksport melalui pelabuhan Bintangor. Sago menjadi tumbuhan yang mendapat perhatian daripada pentadbiran Dinasti Brooke kerana hasil eksport yang lumayan. Oleh itu, galakan telah diberikan kepada penanaman pokok sago berbanding dengan sebelum

<sup>17</sup> Sarawak Gazette, Rejang, Trade, Kuching: Brooke Government, 1884, hlm. 93.

<sup>18</sup> Sarawak Government Gazette, Department of Trade and Customs and Shipping Office, *op. cit.*, hlm 17.

<sup>19</sup> Sarawak Government Gazette, Third Division Yearly Report: Annual Report for 1925, Kuching: Government Printing Office, 1926, hlm. 363.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 363.

ini pokok sagu tumbuh secara semula jadi.<sup>21</sup> Kilang bagi memproses tepung sago juga telah dibina bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti tepung sago.<sup>22</sup> Penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran tepung sago menunjukkan bahawa perubahan telah berlaku daripada ekonomi tradisional kepada komersil atau perdagangan di Daerah Maradong.

### **Kedai Runcit**

Perusahaan kedai runcit di bandar Bintangor dikuasai oleh masyarakat Cina<sup>23</sup> yang datang daripada Foochow.<sup>24</sup> Kegiatan ekonomi ini dikawal dan diselia melalui Jabatan Monopoli.<sup>25</sup> Penguasaan masyarakat Cina dalam aktiviti kedai runcit memberikan peluang kepada mereka untuk menguasai ekonomi di bandar Bintangor. Pada tahun 1926, penjualan barang terkawal seperti candu juga dikuasai oleh masyarakat Cina yang mempunyai kedai runcit di Bintangor. Antara kedai runcit yang mempunyai permit bagi menjual candu adalah kedai runcit Chee, Hoon dan Lee.<sup>26</sup> Selain itu, kedai runcit ini juga mempunyai peranan sebagai pemberong barang dagang, seperti getah, lada hitam, sago dan tebu daripada masyarakat dalam dan luar Daerah Maradong. Barang import dalam bentuk makanan, pakaian dan alatan keperluan lain juga dijual di kedai runcit ini.

### **Perubahan Sosial Masyarakat**

Keperluan tenaga buruh dalam memacu ekonomi di Sarawak telah menyebabkan Dinasti Brooke telah berusaha mendapatkan buruh daripada China. Kedatangan imigran China memberikan impak yang mendalam dalam pembangunan di bandar Bintangor. Nilai kerajinan dan

---

<sup>21</sup> Sarawak Government Gazette, *Upper Rajang: Annual Report for 1922*, Kuching: Government Printing Office, 1923, hlm. 134.

<sup>22</sup> Sarawak Government Gazette, *Third Division Yearly Report, op. cit.*, hlm. 360.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 367.

<sup>24</sup> Ho Hui Ling, Sejarah Kedatangan Orang Cina Ke Sarawak: Satu Perbincangan Umum, *Kertas Seminar*, Simposium Sejarah Sarawak: Nasionalisme Globalisme, Anjuran Bersama Persatuan Sejarah Sarawak bersama Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, Kuching, Jilid 1, 2000.

<sup>25</sup> Sarawak Government Gazette, *Third Division Yearly Report, op. cit.*, hlm. 367.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 367.

tidak putus asa masyarakat Cina telah menjadikan mereka berupaya untuk mencipta peluang bagi menyertai kegiatan perniagaan, pertanian dan pembalakan di Bintangor. Kesannya di kawasan bandar Bintangor adalah didiami oleh masyarakat Cina. Manakala, kawasan sekitarnya adalah kawasan kediaman masyarakat Melayu dan kawasan luar bandar adalah masyarakat Iban.<sup>27</sup> Kedatangan masyarakat China telah mewujudkan kelas masyarakat peribumi dan bukan peribumi di Sarawak. Gaya hidup masyarakat Cina, seperti tulisan, bahasa dan budaya juga telah diperkenalkan serta menjadi ikutan serta pelajaran kepada kaum peribumi di Daerah Maradong. Pembahagian hak milik tanah berdasarkan kaum peribumi dan milik bersama bukan peribumi juga telah diwujudkan melalui undang-undang tanah. Undang-undang tersebut adalah *Native Zone Land* dan *Mixed Zone Land*.<sup>28</sup> Kawasan Daerah Maradong mempunyai dua jenis zon tanah. Kawasan bandar Bintangor merupakan kawasan tanah boleh dimiliki oleh peribumi dan bukan peribumi, dan; kawasan luar bandar pula adalah hak miliki peribumi sahaja.

### **Peningkatan Taraf Hidup**

Taraf hidup masyarakat semakin meningkat dari masa ke masa. Sesuai dengan peredaran zaman, peningkatan taraf hidup ini telah berlaku kesan daripada kegiatan ekonomi di Daerah Maradong. Pentadbiran yang lebih sistematik dan berkesan semasa Dinasti Brooke dan Kolonial British telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk masyarakat Daerah Maradong. Antara kemudahan awal yang telah dibina semasa pentadbiran Dinasti Brooke adalah rumah kerajaan, jalan raya, jambatan, jabatan perhutanan, rumah kerajaan bagi jabatan Kastam dan polis.<sup>29</sup> Kemudahan ini menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan taraf hidup di Daerah Maradong. Selain itu, penerimaan pengaruh Barat juga telah berlaku apabila pakaian, minuman dan makanan telah diimport

<sup>27</sup> Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, *Peta Daerah Meradong, Sarikei, Sarawak*, Kuching: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2011.

<sup>28</sup> Sarawak Government Gazette, *An Ordinance to Declare the Law Governing Certain Classification of Land in Sarawak and to Make Provision for the Transfer of Land from One Class to Another*, Kuching: Government Printing Office, 1948, hlm. 912.

<sup>29</sup> Sarawak Government Gazette, *Third Division Yearly Report, Administration*, Kuching: Government Printing Office, 1926, hlm. 355.

dan dijual kepada masyarakat di Daerah Maradong ini.<sup>30</sup> Pemodenan yang telah berlaku itu menunjukkan taraf hidup semakin diper mudahkan dengan adanya barang import.

Pengenalan undang-undang moden juga telah meningkatkan taraf hidup masyarakat Daerah Maradong. Undang-undang rasmi kerajaan di bawah pentadbiran Dinasti Brooke telah menyekat kegiatan lanun dalam kalangan kaum Dayak, pemburu kepala, jenayah dan masalah-masalah sosial yang mampu untuk menggugat keamanan.<sup>31</sup> Penguatkuasaan undang-undang ini juga berlaku dengan adanya pasukan polis seramai empat orang pada tahun 1926 di bandar Bintangor.<sup>32</sup> Penguatkuasaan undang-undang penting bagi memastikan keselamatan di bandar Bintangor terjamin. Maka, kelangsungan aktiviti ekonomi dapat berjalan dengan lancar di bandar Bintangor.

Pada era Kolonial British, terdapatnya rancangan bagi menaik taraf kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya. Pada akhir tahun 1953, kapasiti bagi penjanaan kuasa elektrik 43 kilowatt telah dipasang bagi menjana elektrik yang lebih banyak berbanding era pemerintahan Dinasti Brooke dahulu.<sup>33</sup> Kemudahan ini telah dinikmati oleh penduduk di Daerah Maradong yang mampu membayarnya. Kadar kepenggunaan elektrik menunjukkan peningkatan pada tahun 1972 apabila terdapat 501 pengguna telah menggunakan kemudahan ini.<sup>34</sup> Pada tahun 1956, satu skim bagi membangunkan perkhidmatan bekalan air di Daerah Maradong telah dijalankan. Kerja-kerja pembinaan bekalan

---

<sup>30</sup> Sarawak Government Gazette, *Binatang Foreign Trade Return from January to December 1926*, *Sarawak Government Gazette 1<sup>st</sup> September 1927*, Kuching: Government Printing Office, 1927, hlm. 523.

<sup>31</sup> Steven Runciman, *op. cit.*, hlm. 68-69.

<sup>32</sup> Sarawak Government Gazette, *Third Division Yearly Report, Police*, Kuching: Government Printing Office, 1926, hlm. 356.

<sup>33</sup> Sarawak Government, *Sarawak Annual Report 1953*, Kuching: Sarawak Government Printing Office, 1953, hlm. 125.

<sup>34</sup> Sarawak Electricity Supply Corporation and Sarawak Shell Berhad, *Capacity and Consumption of Electricity in 1973 by Station, Siaran Perangkaan Tahunan 1973 Sarawak*, Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1973. hlm. 37.

air tersebut sedang dalam proses pelaksanaan pada tahun 1956.<sup>35</sup> Sebanyak tiga perigi telah dijadikan sebagai sumber bagi bekalan air tersebut. Bekalan air di Daerah Maradong juga mengalami kemajuan pada tahun 1961 apabila rawatan air yang bertauliahan telah dijalankan pada tiga perigi yang menjadi sumber air tersebut sebelum dibekalkan kepada pengguna.<sup>36</sup> Pada tahun itu juga kualiti perkhidmatan bekalan elektrik juga telah ditingkatkan kerana bekalan selama 24 jam telah dilaksanakan.<sup>37</sup> Jalan raya sepanjang 22 batu yang menghubungkan Sarikei dan Bintangor juga telah siap dibina pada awal tahun 1961.<sup>38</sup> Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti ini, sudah semestinya berlakunya peningkatan dalam taraf hidup bagi masyarakat Daerah Maradong.

### **Kesimpulan**

Penubuhan pentadbiran Daerah Maradong dapat membawa perkembangan kemajuan kepada kedudukannya. Pembinaan Pelabuhan Bintangor juga telah memacu kepada perkembangan Daerah Maradong. Kegiatan tanaman komersial diusahakan di sekitar Daerah Maradong bagi tujuan eksport. Kedatangan imigran China daripada Foochow telah membantu perkembangan Daerah Maradong. Perkembangan ekonomi telah membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Daerah Maradong. Pelbagai kemudahan telah dibina untuk memudahkan kehidupan seharian. Hasil kajian ini dapat memberi maklumat berguna kepada kajian masa hadapan tentang Daerah Maradong.

### **Rujukan**

Jabatan Perangkaan Malaysia. 1977. Land and Survey Department, Area, Population and Density. *Siaran Perangkaan Tahunan 1976 Sarawak*. Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>35</sup> Sarawak Government, *Sarawak Annual Report 1956*, Kuching: Sarawak Government Printing Office, 1956, hlm. 107.

<sup>36</sup> Sarawak Government, *Sarawak Annual Report 1961*, Kuching: Sarawak Government Printing Office, 1961, hlm. 137.

<sup>37</sup> *Ibid.*, hlm. 139.

<sup>38</sup> *Ibid.*, hlm. 153.

- Jabatan Perangkaan. 1985. *Penduduk Mengikut Daerah dan Kumpulan Etnik, Siaran Perangkaan Tahunan 1985*. Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Tanah Dan Ukur Sarawak. 2003. *Buku Perangkaan Sarawak 2003*. Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. 2011. *Peta Daerah Maradong, Sarikei, Sarawak*. Kuching: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.
- Pejabat Daerah Maradong. 1920. *Gambar Bazaar Binatang*. Bintangor: Pejabat Daerah Maradong.
- Pejabat Daerah Maradong. 2003. Laporan Suku Tahun 2003. Bintangor: Pejabat Daerah Maradong.
- Sarawak Electricity Supply Corporation and Sarawak Shell Berhad. 1973. Capacity and Consumption of Electricity in 1973 by Station. *Siaran Perangkaan Tahunan 1973 Sarawak*. Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Sarawak Gazette*. 1882. Rejang Report 13<sup>th</sup> February 1882. Sarawak Gazette 1<sup>st</sup> Mac 1882. Kuching: Brooke Government.
- Sarawak Gazette*. 1884. Rejang, Trade. Kuching: Brooke Government.
- Sarawak Government Gazette. 1923. *Upper Rajang: Annual Report for 1922*. Kuching: Government Printing Office.
- Sarawak Government Gazette. 1926. *Land*. Kuching: Government Printing Office.
- Sarawak Government Gazette. 1926. *Third Division Yearly Report, Administration*. Kuching: Government Printing Office.
- Sarawak Government Gazette. 1926. *Third Division Yearly Report, Police*. Kuching: Government Printing Office.
- Sarawak Government Gazette. 1926. *Third Division Yearly Report: Annual Report for 1925*. Kuching: Government Printing Office.
- Sarawak Government Gazette. 1926. *Third Division Yearly Report: Annual Report for 1925*. Kuching: Government Printing Office.
- Sarawak Government Gazette. 1927. *Binatang Foreign Trade Return from January to December 1926, Sarawak Government Gazette 1<sup>st</sup> September 1927*. Kuching: Government Printing Office.
- Sarawak Government Gazette. 1934. *Department of Trade and Customs and Shipping Office, Annual Statistics and Account for the Year 1933*. Kuching: Brooke Government.
- Sarawak Government Gazette. 1948. *An Ordinance to Declare the Law Governing Certain Classification of Land in Sarawak and to Make Provision for the Transfer of Land from One Class to Another*. Kuching: Government Printing Office.

- Sarawak Government. 1951. *Sarawak Annual Report 1951*. Kuching: Sarawak Government Printing Office.
- Sarawak Government. 1953. *Sarawak Annual Report 1953*. Kuching: Sarawak Government Printing Office.
- Sarawak Government. 1956. *Sarawak Annual Report 1956*. Kuching: Sarawak Government Printing Office.
- Sarawak Government. 1961. *Sarawak Annual Report 1961*. Kuching: Sarawak Government Printing Office.
- Ho, H. L. 2000. Sejarah Kedatangan Orang Cina Ke Sarawak: Satu Perbincangan Umum. *Kertas Seminar*. Simposium Sejarah Sarawak: Nasionalisme Globalisme. Anjuran Bersama Persatuan Sejarah Sarawak bersama Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak. Jilid 1.
- Runciman, S. 1960. *The White Rajahs A History of Sarawak From 1841 to 1946*. Great Britain: Cambridge Press.
- Lembaga Lada Malaysia, <http://www.mpb.gov.my/mpb/index.php/my/cawangan/wilayah-sarawak/bintangor.html>. 21 April 2016.
- Maradong and Julau District Council, [http://www.maradong-julaudc.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?lang=en&mod=web\\_page&sub=page&id=54&menu\\_id=0&sub\\_id=71](http://www.maradong-julaudc.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?lang=en&mod=web_page&sub=page&id=54&menu_id=0&sub_id=71). 21 April 2016.